

## POLISI PERALIHAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

### 1. TUJUAN

Polisi Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan ini adalah untuk menetapkan tempoh peralihan bagi mengakaunkan baki awal aset dan liabiliti serta mengiktiraf hasil daripada urus niaga bukan pertukaran, dalam tempoh satu (1) hingga tiga (3) tahun mulai 2015 hingga 2017.

### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Polisi peralihan ini adalah berdasarkan Polisi Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan dan Draf Dedahan (ED) 53, *First-Time Adoption of Accrual Basis IPSAS* yang dikeluarkan oleh International Public Sector Accounting Standard Board (IPSASB), International Federation of Accountants (IFAC).
- 2.2 Kementerian dan Jabatan hendaklah memperakaunkan semua perolehan aset dan kenaan liabiliti yang baharu mulai tahun 2015 secara asas akruan dan mematuhi *Malaysian Public Sector Accounting Standard* (MPSAS) yang berkaitan.

### 3. PERAKAUNAN BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI

Baki awal aset dan liabiliti akan diperakaunkan secara berfasa mengikut tempoh peralihan yang ditetapkan seperti berikut:

#### 3.1 Aset

##### 3.1.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

- i. Aset Tak Alih dan Aset Alih yang dikumpul hendaklah diperakaunkan sekurang-kurangnya 90% pada tahun 2015. Baki selebihnya (sekiranya ada) hendaklah diperakaunkan pada tahun 2016 dan 2017.
- ii. Aset Dalam Pembinaan (AUC) hendaklah diperakaunkan sepenuhnya pada tahun 2015.

### 3.1.2 **Aset Kewangan**

- i. Aset Kewangan seperti berikut hendaklah diperakaunkan pada tahun 2015 :-
  - a. Tunai dan Kesetaraan Tunai;
  - b. Akaun Belum Terima (Dagangan, Faedah, Gaji & lain-lain)\*;
  - c. Pinjaman dan Pendahuluan; dan
  - d. Pelaburan.
- ii. Cukai Belum Terima hendaklah diperakaunkan dalam tempoh 2015 hingga 2017.

### 3.1.3 **Inventori**

Inventori hendaklah diperakaunkan pada tahun 2015 tertakluk kepada had nilai inventori yang ditetapkan dalam Interpretasi Polisi Perakaunan dan Garis Panduan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Bil.1/2014. Contoh inventori adalah bekalan pertahanan dan penguatkuasaan, bahan perubatan serta alat ganti/ penyelenggaraan.

### 3.1.4 **Bayaran Terdahulu**

Bayaran terdahulu seperti pendahuluan kontraktor hendaklah diperakaunkan pada tahun 2015.

### 3.1.5 **Aset Pajakan**

Aset Pajakan seperti *Public Financing Incentive* (PFI) dan *Public-Private Partnership* (PPP) hendaklah diperakaunkan dalam tempoh 2015 hingga 2017.

### 3.1.6 **Aset Konsesi**

Aset Konsesi seperti lebuh raya, jambatan bertol dan lapangan terbang hendaklah diperakaunkan dalam tempoh 2015 hingga 2017.

### 3.1.7 Aset Tak Ketara

Aset Tak Ketara seperti lesen perisian serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) hendaklah diperakaunkan dalam tempoh 2016 hingga 2017.

### 3.1.8 Hartanah Pelaburan

Hartanah Pelaburan seperti tanah dan bangunan yang dipegang untuk sewaan dan peningkatan nilai hendaklah diperakaunkan dalam tempoh 2016 hingga 2017.

### 3.1.9 Aset Pertanian

Aset Pertanian seperti haiwan dan tumbuhan hendaklah diperakaunkan dalam tempoh 2016 hingga 2017.

## 3.2 Liabiliti

### 3.2.1 Liabiliti seperti berikut hendaklah diperakaunkan pada tahun 2015:-

- i. Pinjaman (Luar dan Dalam Negara);
- ii. Deposit;
- iii. Akaun Belum Bayar (Dagangan, Faedah, Gaji dan lain-lain)\*; dan
- iv. Nota Belum Bayar.

### 3.2.2 Liabiliti seperti berikut hendaklah diperakaunkan mulai tahun 2015 hingga 2017:-

- i. Cukai Belum Bayar;
- ii. Pajakan/ Konsesi seperti pajakan kewangan, pajakan operasi dan liabiliti konsesi; dan
- iii. Peruntukan (*Provisions*) iaitu semua jenis peruntukan, jaminan pencarum/ pendeposit dan jaminan pinjaman.

### 3.3 Aset dan Liabiliti Yang Didedahkan Dalam Nota Kepada Penyata Kewangan

3.3.1 Aset seperti berikut hendaklah didedahkan dalam nota kepada Penyata Kewangan pada/mulai tahun:-

- i. Cukai Belum Terima pada tahun 2015 hingga 2017 atau sehingga sistem terimaan asas akruan siap dibangunkan sepenuhnya.
- ii. Aset Luar Jangka (Aset Kontinjen) mulai tahun 2016 hingga 2017
- iii. Aset Warisan pada tahun 2017.

3.3.2 Liabiliti seperti berikut hendaklah didedahkan dalam nota kepada Penyata Kewangan pada/mulai tahun:-

- i. Cukai Belum Bayar pada tahun 2015 hingga 2017 atau sehingga sistem terimaan asas akruan siap dibangunkan sepenuhnya.
- ii. Liabiliti Pencen iaitu pembayaran pencen, ganjaran dan gantian cuti rehat mulai tahun 2015 hingga 2017.
- iii. Liabiliti Luar Jangka (Liabiliti Kontinjen) seperti jaminan ke atas pinjaman dan simpanan pendeposit di Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Lembaga Tabung Haji pada tahun 2015.
- iv. Liabiliti Luar Jangka bagi kes mahkamah mulai tahun 2016 hingga 2017.
- v. Sekuriti Tak Dituntut pada tahun 2016.

### 3.4 Lain-Lain

#### 3.4.1 Componentization Aset

Componentization aset tidak perlu diambil kira dalam menentukan baki awal aset pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, bagi perolehan aset baharu mulai pada 1 Januari 2015, Kementerian/ Jabatan boleh mengakaun aset yang dibeli mengikut komponen sekiranya bersesuaian dan praktikal.

**3.4.2 Pengukuran Baki Awal Aset (Hartanah, Loji dan Peralatan) – *Deemed Cost***

Baki awal aset bagi Hartanah, Loji dan Peralatan diukur pada *Deemed Cost* (nilai saksama pada tarikh peralihan) sekiranya kos sejarah tidak dapat diperoleh dan ditentukan, bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017.

**4. PENGIFTIRAFAN HASIL**

**4.1 Hasil Cukai**

**4.1.1 Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran berikut hendaklah diperakaunkan pada tahun 2015:-**

- i. Levi (Kenderaan dan Imigresen)\*\*;
- ii. Cukai Jalan dan Yuran Lesen Memandu\*\*; dan
- iii. Lain-lain Yuran\*\*.

**4.1.2 Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran berikut hendaklah diperakaunkan pada tahun 2015 hingga 2017:-**

- i. Cukai Pendapatan;
- ii. Cukai Langsung Lain;
- iii. Cukai Keuntungan Harta;
- iv. Cukai Export dan Import;
- v. Duti Eksais;
- vi. Cukai Jualan atas Barang Perkilangan Dalam Negeri dan Import;
- vii. Cukai Perkhidmatan;
- viii. GST;
- ix. Levi (selain daripada Kenderaan dan Imigresen);
- x. Duti Eksais Barang Import; dan
- xi. Lain-lain Cukai (termasuk Cukai Wilayah Persekutuan).

**4.2 Pindahan dan lain-lain hasil**

**4.2.1 Hasil daripada Pindahan dan lain-lain hasil berikut hendaklah diperakaunkan pada tahun 2015:-**

- i. Denda Kesalahan Trafik\*\*;
- ii. Hadiah & Sumbangan termasuk Goods *In-Kind*\*\*;

- iii. Terimaan Pindahan Terdahulu; dan
- iv. Pinjaman Konsesi.

4.2.2 Hasil daripada Pindahan dan lain-lain hasil berikut hendaklah diperakaunkan mulai tahun 2015 hingga 2017:-

- i. Denda;
- ii. Bayaran Perkhidmatan Hospital; dan
- iii. Lain-lain Pindahan.

## 5. PEMAKAIAN

Semua Kementerian hendaklah mematuhi Polisi Peralihan Perakaunan Akruan ini untuk memastikan perakaunan baki awal aset dan liabiliti serta pengiktirafan hasil dilaksanakan mengikut polisi peralihan yang ditetapkan.

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan polisi peralihan ini boleh diajukan kepada:

Pengarah  
Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan  
Aras 4, No. 1 Persiaran Perdana  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2  
62594 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8882 1018  
E-mel : [helpdesk.akruan@anm.gov.my](mailto:helpdesk.akruan@anm.gov.my)